



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 KELANTAN DAN NEGERI SEMBILAN

UNTUK SIARAN SEGERA 24 JULAI 2025

Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 bakal kembali menyantuni rakyat menerusi dua penganjuran dalam bulan Ogos ini iaitu **PMR 2025 Kelantan** yang bakal berlangsung mulai **7 hingga 9 Ogos 2025** bertempat di **Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan** dan **PMR 2025 Negeri Sembilan** mulai **22 hingga 24 Ogos 2025** bertempat di **Dataran Nilai, Nilai, Negeri Sembilan**.

PMR 2025 merupakan inisiatif Pejabat Perdana Menteri (PMO) melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) selaku sekretariat induk dengan kerjasama erat pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai penganjur bersama. Bagi penganjuran **PMR 2025 Kelantan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)** akan berperanan selaku penganjur bersama. Manakala bagi penganjuran **PMR 2025 Negeri Sembilan, Kementerian Digital (KD) dan Kerajaan Negeri Sembilan** akan berperanan selaku penganjur bersama.

PMR 2025 Kelantan akan mengetengahkan tema '**Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Untuk Kesejahteraan Rakyat**', yang mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI untuk bergerak seiring dengan kemajuan STI secara inklusif serta memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan negara. Sementara itu, '**Digital Merentasi Generasi, Memperkasa Komuniti**' pula diangkat sebagai tema PMR 2025 Negeri Sembilan dalam usaha memanifestasi komitmen berterusan Kerajaan mendigitalisasikan negara dengan matlamat meningkatkan kualiti hidup serta memacu masa depan yang berteknologi tinggi, berpaksikan kepada nilai kemanusiaan dan keadilan sosial.

Seiring dengan semangat tersebut, kedua-dua edisi PMR 2025 ini akan menampilkan pengisian bermanfaat yang menepati keperluan masyarakat setempat antaranya reruai perkhidmatan kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri, inisiatif

kesejahteraan komuniti, jualan MADANI, kaunter saman trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM), perkhidmatan kesihatan, tawaran peluang pekerjaan serta pertukaran topi keledar oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

PMR 2025 akan menjadi medan keakraban yang menyatukan rakyat dan kerajaan, sekali gus menterjemahkan semangat Rakyat MADANI yang cakna, aktif dan berdaya saing. Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dijadualkan menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan PMR 2025 Kelantan pada 9 Ogos 2025 (Sabtu), manakala PMR 2025 Negeri Sembilan pula akan dirasmikan pada 23 Ogos 2025 (Sabtu) dengan kehadiran pimpinan tertinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Orang ramai dijemput hadir memeriahkan PMR 2025 edisi Kelantan dan Negeri Sembilan. Jangan lepaskan peluang untuk memanfaatkan pelbagai perkhidmatan Kerajaan, jualan MADANI dan aktiviti menarik untuk seisi keluarga dan pelbagai lapisan masyarakat.

Jumpa anda di sana!

**Sekretariat
Program MADANI Rakyat 2025**

